

19/03/1997

Melaka awasi agensi halang pelabur

MELAKA, Selasa - Kerajaan Negeri akan mengawasi semua jabatan dan agensi kerajaan supaya tidak menyalahgunakan kuasa dengan mengenakan syarat tambahan yang membebankan pelabur.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani, berkata tindakan akan diambil untuk membetulkan keadaan jika ada jabatan dan agensi kerajaan yang didapati mengenakan syarat tidak munasabah serta bercanggah dengan dasar Kerajaan Pusat.

Menurutnya, agensi kerajaan di negeri itu diarah memberi segala kemudahan kepada pelabur.

"Tidak patut susahkan pelabur yang datang ke negeri kita, mereka hendak melabur sepatutnya dibantu dengan dipermudahkan segala urusan," katanya selepas meraikan bakal haji bagi kawasan Parlimen Kota Melaka, di sini malam tadi.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu kerajaan negeri mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan besar-besaran ke negeri.

(END)